

07/02/2004

Jalil dianugerah Bintang Gagah Perwira

KEMATIAN Penolong Pengurus Besar Bumiputera Malaysia Finance (BMF), Jalil Ibrahim yang menyiasat skandal BMF di Hong Kong pada 1983 disifatkan sebagai kehilangan jaguh dan pahlawan ekonomi negara.

Berikutan sumbangannya kepada negara, Allahyarham dianugerahkan Bintang Gagah Perwira (BGP) daripada Kerajaan Melaka yang disampaikan bekas Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan, sempena hari lahirnya yang ke-66 pada Julai 1984.

Allahyarham adalah penerima tunggal bintang berkenaan yang diterima oleh balunya, Rosnawi Ibrahim.

Bagaimanapun, anugerah itu dilaporkan hilang selepas rumahnya di Taman Temiang Jaya, Seremban, Negeri Sembilan, dimasuki pencuri pada awal Januari 1985. Berikutan kejadian itu, kerajaan Melaka menggantikan semula pingat berkenaan selepas mendapatkan laporan polis berhubung kejadian.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) pernah menyifatkan Jalil sebagai seorang jaguh yang mempertahankan maruah bangsa dan terkorban kerana berani mempertahankan sesuatu yang tiada bayaran baginya.

Rosnawi pula berkata: "Sukar hendak dinyatakan perasaan saya apabila mendengar pengumuman itu. Tambahan pula datangnya daripada pemimpin negara."

Abang Jalil, Mohamad pula berkata: "Saya percaya penghormatan itu tentu dibuat setelah kerajaan mengkaji tanggungjawab yang yang ditunjukkan Allahyarham kepada bangsanya."

Selain itu, Bank Bumiputera juga melancarkan Anugerah Jalil Ibrahim selaras dengan nilai-nilai yang ditunjukkan Allahyarham. Jalil yang mengetuai pasukan khas yang dihantar menjalankan tugas audit khas terhadap BMF terbukti kepakaran dan kebolehan iktisas dan kerajinan, malahan kerana sifat bertanggungjawab, dedikasi dan amanah.

Nasib anak-anak dan keluarga Allahyarham juga tidak diabaikan. BBMB menubuhkan sebuah tabung amanah bagi membiayai pelajaran empat anak Allahyarham, Mohamad Razman, Rizal Fitri, Rosnita dan Ahmad Roslan hingga ke peringkat universiti.

Tabung amanah itu adalah skim berasingan daripada bayaran sugu hati RM200,000 yang dijanjikan kepada keluarga mangsa.

Ibu Allahyarham, Bebe Ahmad, yang sebelum ini banyak bergantung kepada Jalil untuk menyara hidup juga turut menerima bantuan bulanan RM100 untuk sepanjang hayat dan RM1,000 untuk membaiki rumahnya daripada kerajaan negeri Melaka.

Sebelum kematian Jalil, ibunya menerima pendapatan bulanan sebanyak RM300 daripada anaknya sebagai wang sara hidup. Pendapatan bulannya hanya sekitar RM40 hingga RM80 hasil jualan buah kelapa dan telur ayam peliharaan.